

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI
DI PERSIDANGAN HALATUJU SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
DI PALACE OF THE GOLDEN HORSES, KUALA LUMPUR
12 OGOS 2004

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YB TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

YBHG. DATO' ABI MUSA ASA'ARI MOHD NOR
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN

PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. ALHAMDULILLAH, SYUKUR KEHADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAN KURNIANYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA HADIR DI PERSIDANGAN HALATUJU SEKTOR PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI INI. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN KERANA TELAH SUDI MENJEMPUT SAYA UNTUK MENYAMPAIKAN UCAPAN SERTA MERASMIKAN MAJLIS INI. SAYA PASTI SAUDARA-SAUDARI SEDIA MAKLUM BAHAWA PERTANIAN ADALAH SATU BIDANG YANG BEGITU PENTING DAN BERMAKNA KEPADA SAYA.

2. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI KERANA BERJAYA MENGANJURKAN SEMINAR HALATUJU INI. SEMINAR INI MEMBERI PELUANG KEPADA KITA SEMUA UNTUK MENGIMBAS KEMBALI MATLAMAT NEGARA UNTUK SEKTOR PERTANIAN DAN ASAS TANI. KITA DAPAT MENYEMAK KEBERKESANAN PROGRAM-PROGRAM YANG LALU DAN MEMBENTANGKAN LANGKAH-LANGKAH SETERUSNYA KE ARAH MEMAJUKAN SEKTOR INI. INSYA-ALLAH, DENGAN INI, POTENSI SEKTOR PERTANIAN SEBAGAI SUMBER KEKAYAAN DAN SUMBER PENDAPATAN TAMBAHAN AKAN DAPAT KITA REALISASIKAN.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

3. SEKTOR PERTANIAN TELAH DIKENALPASTI SEBAGAI SALAH SATU BIDANG EKONOMI YANG STRATEGIK, BUKAN SAHAJA KERANA IANYA HASIL KEKAYAAN SEMULAJADI BUMI MALAYSIA, TETAPI JUGA KERANA POTENSINYA UNTUK MEMASTIKAN PEMBANGUNAN LEBIH SEIMBANG DI ANTARA KAWASAN LUAR BANDAR DAN KAWASAN BANDAR.

4. BUAT MASA INI, IMBANGAN DAGANGAN DARI AKTIVITI-AKTIVITI PERTANIAN ADALAH POSITIF. NAMUN, SEKIRANYA PENGELUARAN KOMODITI SEPERTI MINYAK KELAPA SAWIT DAN KAYU-KAYAN TIDAK DIAMBIL KIRA, IMBANGAN DAGANGAN SEBENARNYA MENGALAMI DEFISIT SEBANYAK 4 BILION RINGGIT. NEGARA KITA MASIH BANYAK MENGIMPORT PELBAGAI KEPERLUAN MAKANAN BAGI RAKYAT.

5. KERAJAAN BERMATLAMAT UNTUK MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA PENGEKSPORT BARANGAN MAKANAN MENJELANG TAHUN 2010. BAGI MENCAPAI MATLAMAT INI, KITA HARUS MENGGUNA PENDEKATAN YANG STRATEGIK UNTUK MENGUBAH IMBANGAN DAGANGAN MAKANAN MASAKINI. SETIAP BIDANG MEMPUNYAI CIRI-CIRI TERSENDIRI DAN DENGAN ITU, HARUS MEMPUNYAI HALATUJU DAN STRATEGI YANG TERSENDIRI. SEBAGAI CONTOH, BEBERAPA BIDANG HARUS DISASARKAN SEBAGAI BIDANG EKSPORT, SEPERTI BUAH-BUAHAN, PERIKANAN SERTA MAKANAN YANG DIPROSES. BIDANG YANG LAIN YANG MANA KITA TIDAK MEMPUNYAI KELEBIHAN SEMULAJADI, MUNGKIN LEBIH BAIK DIUSAHAKAN PADA TAHAP YANG SESUAI BAGI MENGURANGKAN PERGANTUNGAN KITA KEPADA IMPORT, SEPERTI DAGING DAN SUSU. ADA JUGA BIDANG YANG HARUS DIUSAHAKAN ATAS SEBAB-SEBAB STRATEGIK KESELAMATAN, SEPERTI PADI.

6. BIARPUN BEGITU, BOLEH DIKATAKAN KEBANYAKAN BIDANG PERTANIAN MENGHADAPI MASALAH YANG SAMA YANG MENYEKAT POTENSI BIDANG TERSEBUT. ISU-ISU SEPRTI PRODUKTIVITI PETANI (TERUTAMANYA PETANI-PETANI KECIL), TANAH TERBIAR DAN KEPINCANGAN RANGKAIAN PEMBEKALAN (ATAU "SUPPLY CHAIN") MERUPAKAN MASALAH UTAMA YANG TELAH LAMA MERUMITKAN USAHA UNTUK MEMBANGUNKAN SEKTOR PERTANIAN. UNTUK MENGATASI MASALAH TERSEBUT, KITA MEMERLUKAN SUATU PERUBAHAN DAN PEMBAHARUAN YANG BESAR. KITA MEMERLUKAN SUATU PROSES TRANSFORMASI YANG AKAN MENGUBAH SEKTOR PERTANIAN KEPADA SATU SEKTOR YANG BERCIRIKAN PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN, SEPERTI SEKTOR PEMBUATAN.

7. BAGI SAYA, PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM AKTIVITI PERTANIAN ADALAH SALAH SATU CARA UNTUK MEMBOLEHKAN TRANSFORMASI INI DIJALANKAN, BAIK PADA SKALA BESAR MAHUPUN PADA SKALA KECIL. DENGAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI DAN TEKNIK MODEN, PRODUKTIVITI SETIAP HEKTAR KEBUN DAN SAWAH, SERTA SETIAP METER PERSEGI KOLAM IKAN, AKAN BERLIPAT KALI GANDA. DALAM HUBUNGAN INI, PENANAM-PENANAM PADI SEKINCHAN HARUS DILIHAT SEBAGAI CONTOH. SECARA PURATA, MEREKA MAMPU MENGHASILKAN 10 TAN SEHEKTAR DAN ADA DI ANTARA MEREKA YANG BERUPAYA MENGHASILKAN SEHINGGA 12-13 TAN SEHEKTAR. INI MELEBIHI PURATA PENGHASILAN NEGARA YANG SEBANYAK 4-5 TAN SEHEKTAR. DALAM HAL INI, SUDAH TENTU PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN (R&D) ADALAH SANGAT PENTING, TETAPI MEMANFAATKAN R&D ITU SENDIRI ADALAH LEBIH UTAMA. USAHA R&D SEPERTI MENYELIDIK BAKA-BAKA YANG TERBAIK DAN TEKNIK-TEKNIK PERTANIAN BARU HARUS DITERUSKAN, KHUSUSNYA DALAM BIDANG BIOTEKNOLOGI. NAMUN, KITA JUGA PERLU MENYEDIAKAN SUATU MEKANISME YANG BERKESAN BAGI MEMBAWA HASIL PENEMUAN R&D INI KE SAWAH, KE DUSUN, KE KOLAM IKAN, KE LADANG TERNAK, SUPAYA IANYA DIPRAKTIKKAN SECARA BERTERUSAN OLEH PARA PETANI

KITA. SAYA BERHARAP, PIHAK KEMENTERIAN AKAN DAPAT MENCADANGKAN SATU MEKANISME YANG LEBIH BERKESAN BAGI MEMINDAHKAN TEKNOLOGI KEPADA MEREKA YANG MEMERLUKANNYA.

8. SELAIN MEMBERI TUMPUAN KEPADA PENGGUNAAN TEKNOLOGI, KITA JUGA PERLU MENGUBAH PROFAIL PENGUSAHA YANG MENYERTAI SEKTOR PERTANIAN. PERTANIAN SERING SANGAT DIHUBUNGKAIT DENGAN KEMISKINAN DAN KEDAIFAN. TANGGAPAN INI TIDAK BENAR SAMA SEKALI KERANA JIKA AKTIVITI PERTANIAN DIUSAHAKAN SECARA BERSUNGGUH-SUNGGUH, IA BOLEH MENJADI SATU SUMBER KEKAYAAN YANG KUKUH DAN LUMAYAN. KITA SEMEMANGNYA TELAH MEMILIKI BEBERAPA TOKOH PERTANIAN YANG BERJAYA DAN BOLEH DIBANGGAKAN TETAPI ITU TIDAK MENCUKUPI. DEMI MENINGKATKAN MARTABAT DAN MUTU SEKTOR INI, NEGARA SESUNGGUHNYA MEMERLUKAN LEBIH RAMAI LAGI PARA PETANI YANG DINAMIK DAN MAMPU MENCIPTA PERUBAHAN.

9. BAGI MERAMAIKAN LAGI KUMPULAN YANG BERJAYA INI, PARA PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN HARUS MEMBUAT ANJAKAN MINDA DAN BERUBAH SIKAP. MEREKA HARUS LEBIH BERSEMANGAT, PEKA TERHADAP PERUBAHAN DAN MENERIMANYA SEBAGAI SATU PELUANG UNTUK BERGERAK LEBIH MAJU KE HADAPAN. GENERASI MUDA JUGA HARUS DILIBATKAN SAMA KERANA KEHADIRAN MEREKA PASTINYA AKAN MERANGSANG PROFAIL SEKTOR PERTANIAN KEPADA PROFAIL YANG LEBIH MODEN, POSITIF DAN DINAMIK. SELARAS DENGAN INI, USAHA MEMBANGUN DAN MENARIK SUMBER MANUSIA HARUS DIPERTINGKATKAN, BAIK UNTUK GENERASI MUDA ATAU YANG SUDAH BERPENGALAMAN. PROGRAM-PROGRAM BANTUAN PERTANIAN PERLU MENITIKBERATKAN KOMPONEN MINDA DAN BUDAYA CEMERLANG. KURSUS PERTANIAN DI KOLEJ ATAU I.P.T.A. JUGA HARUS DIPERKUKUHKAN. SEBAGAIMANA KITA MEMPROMOSIKAN JENAMA 'MALAYSIA'S BEST' UNTUK BUAH-BUAHAN TERBAIK MALAYSIA, MUNGKIN KITA JUGA WAJAR UNTUK 'MEMPROMOSIKAN' PARA PETANI CONTOH DAN BERJAYA, SUPAYA BAKAT-BAKAT NEGARA AKAN TERTARIK UNTUK TERLIBAT SAMA MENCIPTA KEJAYAAN DI DALAM SEKTOR PERTANIAN. USAHA-USAHA INI ADALAH PENTING, KERANA KEJAYAAN SEKTOR PERTANIAN BERGANTUNG KEPADA KUALITI PENGUSAHA-PENGUSAHANYA. SAYA BERPEGANG KEPADA KEPERCAYAAN BAHAWA KEUPAYAAN DAN KEGIGIHAN MANUSIA (IAITU "HUMAN FACTOR") ADALAH PENENTU UTAMA BAGI SESUATU KEJAYAAN.

10. BERKAITAN DENGAN ISU INI IALAH PRESTASI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN PELADANG, PERSATUAN-PERSATUAN NELAYAN DAN BADAN-BADAN KOPERASI PERTANIAN. PADA SAYA, KEBANYAKAN PERTUBUHAN INI MUNGKIN DILIHAT SEBAGAI TIDAK BEGITU BERKESAN DALAM MENINGKATKAN TARAF HIDUP DAN MARTABAT AHLI-AHLI MEREKA. JIKA KITA LIHAT KOPERASI-KOPERASI DI TAIWAN, AUSTRALIA DAN JEPUN, MEREKA BERUPAYA MEWUJUDKAN PETANI-PETANI JUTAWAN SAMBIL MEMASARKAN HASIL PERTANIAN MEREKA DI PASARAN DUNIA. PADA HEMAT SAYA, KOPERASI-KOPERASI KITA PERLU MEGAMBIL IKTIBAR DAN MENCONTOHI KEJAYAAN-KEJAYAAN SEPERTI INI. DALAM MENINGKATKAN KEWIBAWAAN PARA PENGUSAHA PERTANIAN, SAYA JUGA BERHARAP AGAR PIHAK KEMENTERIAN AKAN TURUT MENEKANKAN USAHA-USAHA KE ARAH MENINGKATKAN LAGI PERFUNGSIAN DAN PERANAN KOPERASI-KOPERASI KITA SUPAYA MANFAAT YANG OPTIMUM AKAN DAPAT KITA PEROLEHI. PIHAK KEMENTERIAN JUGA PERLU

MENGAMBIL LANGKAH UNTUK MEMBINA KEUPAYAAN INDIVIDU-INDIVIDU YANG MENERAJUI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN TERSEBUT.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

11. SEBAGAI PENGGUBAL DASAR DAN AGEN PELAKSANAAN, ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB KITA UNTUK MENYEDIAKAN KEADAAN ATAU SUASANA DI MANA USAHA PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI BOLEH BERJAYA. INI SELARAS DENGAN OBJEKTIF KERAJAAN UNTUK MENGUTAMAKAN SEKTOR SWASTA SEBAGAI PENGGERAK EKONOMI NEGARA SEMENTARA PIHAK KERAJAAN MENJADI PEMUDAHCARA. DENGAN ITU, USAHA UNTUK MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA SERTA MENARIK PENYERTAAN SYARIKAT SWASTA ADALAH AMAT PENTING. PEMBANGUNAN PENGUSAHA INDUSTRI ASAS TANI TERUTAMANYA, MEMERLUKAN FOKUS KHAS KERANA CIRI-CIRI INDUSTRI TERSEBUT BERBEZA DARI INDUSTRI PEMBUATAN YANG LAIN.

12. UNTUK MENOLONG PENGUSAHA PERTANIAN AGAR LEBIH BERJAYA, PENYEDIAAN KHIDMAT SOKONGAN ATAU 'EXTENSION SERVICES' ADALAH AMAT PENTING. KITA MEMERLUKAN PASUKAN-PASUKAN SOKONGAN YANG ARIF DAN BERPENGALAMAN UNTUK MEMBERI NASIHAT, TUNJUK AJAR DAN GALAKAN KEPADA YANG MEMERLUKANNYA. DALAM ERA EKONOMI BERPENGETAHUAN INI, PARA PENGUSAHA MEMERLUKAN ILMU UNTUK BERJAYA. TETAPI MUNGKIN MASALAHNYA IALAH MEREKA TIDAK TAHU DI MANA UNTUK MENCARINYA ATAU TIDAK DAPAT MEMAHAMI MAKLUMAT YANG DISEDIAKAN. KITA AKAN DAPAT MELIHAT PENGUSAHA YANG MENGGUNAKAN TEKNOLOGI, YANG MENGGUNAKAN TEKNIK MODEN, TERUTAMANYA DI KAWASAN LUAR BANDAR, HANYA JIKA MEREKA DIBERI PANDUAN OLEH PASUKAN SOKONGAN YANG BERUPAYA DAN BERDEDIKASI. PIHAK KEMENTERIAN MEMPUNYAI PERANAN YANG BESAR DALAM HAL INI, IAITU UNTUK MEMPERBAIKI KEUPAYAAN DAN 'MODUS OPERANDI' KHIDMAT SOKONGAN YANG ADA SEKARANG.

13. MASALAH KEMUDAHAN PINJAMAN JUGA HARUS DITANGANI BAGI MENYEDIAKAN KEADAAN YANG MESRA PERNIAGAAN. PADA MASA INI, BANK PERTANIAN MALAYSIA MENAWARKAN PINJAMAN MUDAH UNTUK MEMBANTU PENGUSAHA KECIL DAN SEDERHANA, TERMASUK TABUNG UNTUK MAKANAN (3F). ADA JUGA INSTITUSI KEWANGAN LAIN YANG MENYEDIAKAN KEMUDAHAN KREDIT UNTUK PENGUSAHA PERTANIAN. NAMUN, BERDASARKAN MAKLUMBALAS YANG DITERIMA, MASIH RAMAI PENGUSAHA PERTANIAN MENGHADAPI KESUKARAN UNTUK MENDAPAT KEMUDAHAN KREDIT DARI, TERMASUK DARI BANK PERTANIAN SENDIRI.

14. TANPA KEMUDAHAN KREDIT, ADALAH SUKAR UNTUK KITA MENGGERAKKAN MINAT PENGUSAHA SWASTA DAN USAHAWAN KECIL MENCEBURI SEKTOR PERTANIAN. PRODUK PINJAMAN HARUS DISTRUKTUR MENGIKUT JENIS PENGUSAHA, DARI TAHAP 'MICROCREDIT' BAGI PENGUSAHA KECIL, HINGGALAH KEPADA PINJAMAN BESAR. IA JUGA HARUS DISTRUKTUR DENGAN KREATIF, SUPAYA TIDAK BERDASARKAN CAGARAN ATAU ASET SEMATA-MATA. SEHUBUNGAN ITU, SAYA INGIN MEMINTA KEMENTERIAN DAN BANK NEGARA UNTUK MENKAJI BAGAIMANA BANK-BANK PEMBANGUNAN DAN KOMERSIAL BOLEH DIGIATKAN LAGI

UNTUK MENYEDIAKAN KEMUDAHAN KREDIT YANG SESUAI DENGAN KEPERLUAN PENGUSAHA PERTANIAN. PENYEDIAAN KEMUDAHAN KREDIT PERTANIAN PERLU DIPERKUKUHKAN LAGI.

15. PADA MASA YANG SAMA, PAKEJ INSENTIF MASAKINI PERLU DIPERBAIKI. UNTUK MENCERMINKAN SOKONGAN KERAJAAN KEPADA USAHA INDUSTRI PERTANIAN, SAYA INGIN MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN BERSEDIA MENGKAJI SEMULA PAKEJ INSENTIF YANG SEDIA ADA BAGI MENGURANGKAN RISIKO PELABURAN PENGUSAHA PERTANIAN. DI SINI, SAYA BERHARAP PIHAK KEMENTERIAN DAPAT MEMAINKAN PERANAN DAN MENCADANGKAN PENAMBAHBAIKAN INSENTIF BERDASARKAN ISU-ISU YANG DIALAMI PENGUSAHA PERTANIAN. KERAJAAN JUGA AKAN CUBA MEMASTIKAN INSENTIF ATAU PERUNTUKAN BAGI MENJALANKAN R&D DALAM SEKTOR PERTANIAN AKAN DITINGKATKAN. DALAM HUBUNGAN INI, UNIT PERANCANG EKONOMI DAN KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI HARUS MEMBERI SOKONGAN DAN MEMBERI PERHATIAN KEPADA SEKTOR PERTANIAN DALAM MENGAGIH PERUNTUKAN R&D, SELARAS DENGAN USAHA MENTRANSFORMASI SEKTOR INI.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKELIAN

16. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI TELAH MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH UNTUK MEMACU SEKTOR PERTANIAN DENGAN LEBIH FOKUS DAN TERANCANG. SECARA KHUSUS, SAYA MENGALU-ALUKAN USAHA KEMENTERIAN DI BAWAH PIMPINAN TAN SRI MUHYIDDIN, YANG TELAH MENUBUHKAN BEBERAPA JAWATANKUASA KHAS SEPERTI PANEL PENASIHAT INDUSTRI PERTANIAN NEGARA, JAWATANKUASA PEMBANGUNAN AKUAKULTUR NEGARA SERTA JAWATANKUASA PEMBANGUNAN TERNAKAN NEGARA. DENGAN PENUBUHAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA TERSEBUT, SAYA BERHARAP PEMBANGUNAN SEKTOR PERTANIAN DAPAT DIGERAKKAN LAGI DENGAN LEBIH PANTAS, MENEPATI KEPERLUAN SEMASA INDUSTRI DAN NEGARA.

17. SAYA JUGA MENGAMBIL PERHATIAN ATAS USAHA PIHAK KEMENTERIAN UNTUK MEMPERBAIKI "DELIVERY SYSTEM" JENTERA PELAKSANAANNYA. SAYA BERSETUJU DENGAN FALSAFAH KEMENTERIAN, IAITU UNTUK MELIHAT PARA PENGUSAHA SEBAGAI PELANGGAN. DENGAN FALSAFAH INI, DAN MELALUI KAEDAH "MINISTRY OF AGRICULTURE INCORPORATED", TENAGA DARI 14 JABATAN DAN AGENSI KEMENTERIAN DIGEMBELING SECARA BERSEPADU UNTUK MEMBERI PERKHIDMATAN YANG LEBIH BERKESAN.

18. KITA HARUS MENERUSKAN INISIATIF-INISIATIF INI, DAN BERUSAHA GIGIH UNTUK MEMBAWA PERUBAHAN YANG NYATA. JENTERA PELAKSANAAN TIDAK TERHAD KEPADA PIHAK KEMENTERIAN PERTANIAN SAHAJA, MALAH MELIBATKAN KEMENTERIAN-KEMENTERIAN LAIN SERTA PIHAK KERAJAAN NEGERI. SEBAGAI CONTOH, PROSES UNTUK MENDAPATKAN TANAH BAGI PROJEK PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI PERLU MENJADI LEBIH CEKAP. DALAM HAL INI PIHAK KEMENTERIAN DAN PIHAK KERAJAAN NEGERI PERLU BEKERJASAMA, SUPAYA SEKTOR PERTANIAN BENAR-BENAR DAPAT DIBANGUNKAN DI SEMUA NEGERI DI MALAYSIA. SUDAH TIBA MASANYA KITA BERTINDAK ATAS KOMITMEN YANG TELAH

KERAJAAN BERIKAN, DAN BUKAN SETAKAT BERJANJI SAHAJA. SESUNGGUHNYA, MASIH BANYAK LAGI YANG PERLU DIUSAHAKAN SEBELUM KITA MENCAPAI MATLAMAT, ANTARANYA, PEMBANGUNAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH “HALAL HUB” DAN PERKEMBANGAN SEKTOR BIOTEKNOLOGI HERBA.

19. SEMUA PIHAK HARUS MEMAINKAN PERANAN MASING-MASING, SECARA BERSEPADU DAN SEIRING BAGI MENGGERAKKAN PELBAGAI AKTIVITI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI DI SELURUH PELUSUK NEGARA. DENGAN USAHA GIGIH SEMUA PIHAK, SEKTOR INI AKAN BERUPAYA MENJADI SALAHSATU JENTERA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA DAN SATU SUMBER KEJAYAAN DAN KEBANGGAAN DIRI, TERUTAMANYA BAGI MASYARAKAT LUAR BANDAR, INSYA-ALLAH.

20. AKHIR KATA, SAYA DENGAN PENUH IKHLAS MENDOAKAN KEJAYAAN PERSIDANGAN INI. SAYA MENGHARAPKAN SEMUA PIHAK DI SINI AKAN MEMBERIKAN SUMBANGAN YANG TERBAIK, AGAR MATLAMAT NEGARA UNTUK SEKTOR INI AKAN TERCAPAI. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN PERSIDANGAN HALATUJU SEKTOR PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI.

TERIMA KASIH.